





Dr Yong Junina

Perunding Pediatrik Klinik
Pakar Kanak-Kanak Junina

RAMADAN membawa bersama pelbagai juadah. Biasanya anak-anaklah yang paling seronok membeli kuih-muih di bazar Ramadan. Malangnya, ramai pula mengalami cirit-birit serta muntah-muntah selepas menjamah makanan dibeli.

Gejala yang sering dialami dalam keracunan makanan ialah muntah-muntah serta cirit-birit. Najis mungkin mengandungi lendir atau darah.

Gejala ini boleh berlarutan hingga dua atau tiga hari. Ketika berlakunya cirit-birit dan muntah, ada kemungkinan kanak-kanak terbabat mengalami dehidrasi.

Di samping mengalami keracunan makanan, cirit-birit boleh disebabkan oleh alahan terhadap protein susu lembu serta jangkitan virus atau parasit.

Apakah tanda yang anak anda mungkin mengalami cirit-birit?

Biasanya anak akan buang air besar lebih daripada biasa. Najis juga lembut atau cair. Kadangkala bahagian punggung menjadi merah dan pedih jika terkena air.

Jika berpanjangan atau terlalu kerap, anak mungkin menghadapi masalah dehidrasi iaitu kandungan air di dalam badan berkurangan.

Risiko dehidrasi bertambah jika anak juga mengalami muntah-muntah. Dehidrasi boleh menyebabkan masalah serius dan juga maut jika tidak dirawat.

Tanda dehidrasi:

- mulut kering
- untuk bayi yang ubun-ubunnya masih terbuka, bahagian itu cengkung ke dalam

- mata cengkung
- air kencing berkurangan dan berwarna pekat
- tiada air mata bila menangis
- apabila kulit di bahagian perut dicubit dan dilepaskan, ia tidak kembali seperti sedia kala dengan segera

Jika berlaku mana-mana tanda berkenaan pada anak anda, segeralah bawanya berjumpa doktor.

Rawatan cirit-birit:

Rawatan biasanya dalam bentuk air garam rehidrasi untuk mengembalikan semula garam galian yang hilang melalui najis.

Satu paket garam rehidrasi perlu dilarutkan ke dalam 240 mililiter (ml) air masak dan diberi sedikit setiap kali anak buang air besar.

Oleh kerana serbuk garam rehidrasi mengandungi garam galian, ia tidak boleh dicampur ke dalam susu atau jus.

Selain garam rehidrasi, probiotic juga boleh diberi. Probiotic ialah bakteria sihat untuk usus. Ia bagi mengembalikan keadaan usus kepada normal dan memendekkan jangka masa cirit-birit.

Jika cirit-birit berlarutan dan punggung anak menjadi merah, doktor mungkin mengesyorkan supaya anak diberi susu tanpa laktosa.

Ini kerana usus tidak dapat menghadamkan laktosa akibat kehilangan enzim. Keadaan ini hanya sementara dan anak akan pulih seperti sedia kala.

Ubat untuk mengurangkan angin juga boleh diberikan jika perlu.

Rawatan yang tidak diberi kepada kanak-kanak:

Berbeza dengan orang dewasa, kanak-kanak tidak diberi ubat untuk memberhentikan cirit-birit. Antibiotik juga tidak diberi kecuali dalam kes di mana cirit-birit disebabkan bakteria, misalnya demam kepialu.